

BAHAGIAN B

SOALAN 13

13. Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian ringkaskan hingga menjadi kira-kira **70 patah perkataan sahaja**. Penggunaan kata-kata kamu sendiri dalam susunan maksudnya yang asal akan diberi perhatian utama dalam pemarkahan.

[20 markah]

Segala bahan bacaan yang terdapa di rumah jika dikumpulkan dan disusun dengan sempurna boleh dimanfaatkan oleh seluruh ahli keluarga. Sebuah almari kecil atau rak yang diubah suai untuk menyimpan pelbagai jenis bahan bacaan secara automatik boleh dianggap sebagai sudut bacaan keluarga.

Sudut bacaan keluarga atau perpustakaan keluarga atau perpustakaan keluarga ini boleh jadi ruang, sudut ataupun bilik bagi menempatkan bahan bacaan, rujukan serta bahan electronic seperti komputer, televisyen, alat rakaman video yang mengandungi maklumat serta pengetahuan yang boleh dijadikan khazanah ilmu terkumpul untuk dimanfaatkan oleh seisi keluarga.

Bahan-bahan yang boleh ditempatkan di dalam perpustakaan keluarga termasuk bahan rujukan seperti kamus, atlas, ensiklopedia, buku resipi, buku panduan telefon dan sebagainya. Perpustakaan keluarga ini bukan sahaja boleh meyemai tabiat suka membaca di kalangan ahli keluarga, bahkan dapat mengeratkan silaturahim antara mereka.

Tabiat membaca di kalangan anak-anak sebenarnya perlu bermula dari rumah. Untuk menyemai budaya suka membaca, ibu bapa dan ahli keluarga harus memainkan peranan dengan memastikan hobi dan tabiat membaca anak-anak mereka terhadap pembacaan kekal dari mula mereka mengenal buku hingga dewasa.

Dengan adanya sudut atau peperiksaan keluarga akan memudahkan seisi keluarga duduk sama-sama membaca di rumah pada masa lapang, paling kurang sekali seminggu. Mereka juga boleh saling bercerita tentang keseronokan bahan yang dibaca. Amalan pembacaan di kalangan ibu bapa dengan sendirinya akan dicontohi oleh anak-anak dan dapat membiasakan diri untuk menghormati dan menjadikan buku sebagai rakan karib mereka.

(kira-kira 220 patah perkataan)